

03 AUG 1998

China-pelaburan

CHINA TERUSKAN PELABURAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- China akan meneruskan pelaburan di negara ini terutama dalam bidang yang telah dibincangkan dengan Malaysia sebelum ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Ini khususnya yang berkaitan dengan kilang kertas yang telah dicadangkan sejak lama. Nampaknya ada tanda-tanda bahawa kilang ini dapat dibuat," katanya.

Komitmen itu dinyatakan oleh Menteri Luar China, Tang Jiaxuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perjumpaan di Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Pada pertemuan itu, Tang juga mengulangi komitmen China untuk tidak menurunkan nilai mata wang renminbi bagi membantu negara-negara di rantau ini dalam usaha pemulihan ekonomi mereka dan memastikan kestabilan.

Langkah China itu adalah penting kepada negara-negara di rantau ini, kata Abdullah kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata menteri luar China itu juga memberitahu Dr Mahathir bahawa Presiden China Jiang Zemin akan ke Kuala Lumpur untuk menghadiri persidangan Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) November ini.

Perdana Menteri menyatakan beliau akan mengambil kesempatan itu untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Jiang.

Tang pulang petang ini setelah melakukan lawatan rasmi empat hari atas undangan Abdullah. Beliau sebelum ini menghadiri mesyuarat dengan para menteri luar Asean di Manila.

Ketika diminta mengulas mengenai kesediaan China menggunakan mata wang masing-masing dalam perdagangan dua hala dengan Malaysia, Abdullah berkata satu mekanisme akan dibincangkan antara kedua-dua negara.

"Perkara ini dianggap penting dan perlu disegerakan," katanya.

-- BERNAMA

MNY RI